

R.R

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACI-5789

INVC...oms... 11/11/2009

HAKCIPTA DARI ASPEK TEORI HARTA INTELEK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

OLEH:

NOR LIZA BINTI MOHAMAD

Perpustakaan Universiti Malaya



A508765055

02

BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

MAC 1999 Dimikrofiksas pada 02. 11. 2001

No. Mikrofis. 15032

Jumlah Mikrofis. 3

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI

UPR UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA

**HAKCIPTA DARI ASPEK TEORI HARTA INTELEK
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

**OLEH:
NOR LIZA BINTI MOHAMAD**

**DISERTASI INI ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA
KEPERLUAN KURSUS IJAZAH SARJANA SYARIAH
(KURSUS DAN DISERTASI)
SESI 1998/1999**

**BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
MAC 1999.**

ABSTRAK

Undang-undang berkaitan hakcipta bukanlah suatu undang-undang yang asing di Malaysia. Malah, ia telah lama diterimapakai di negara ini bertujuan untuk menjamin hak ekonomi dan hak moral pencipta. Dengan perkataan lain, hakcipta termasuk di dalam kategori harta intelek yang diberi perlindungan undang-undang. Disertasi ini cuba membincangkan konsep harta di dalam Islam dengan merujuk sumber-sumber perundangan Islam, pandangan-pandangan fuqaha' dan kaedah-kaedah umum yang digariskan oleh syarak.

Kajian di dalam disertasi ini juga cuba membincangkan konsep dan amalan hakcipta serta penguatkuasaan undang-undang hakcipta di Malaysia sebagai perbandingan. Umumnya, kajian ini akan menggambarkan bagaimana prinsip-prinsip hakcipta di dalam Islam boleh disesuaikan dengan undang-undang hakcipta yang kini dikuatkuasakan di Malaysia.

ABSTRACT

The copyright law is not uncommon in Malaysia, but it has been applied here for a long time as to preserve the economical and moral rights of the owner. In other words, the copyright is one of the categories under the intellectual property that is protected by law. This dissertation tries to discuss as well as to define the concept of property in Islam by referring to the sources of Islamic law, views of the prominent jurists and the general principles which are defined by the syarak.

The research in this dissertation also tries to discuss the concept of copyright, the practice of copyright and the enforcement of copyright law in Malaysia as a comparison. In general, this research will show how the Islamic copyright principle can be adapted to copyright law that is enforced in Malaysia nowadays.

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian hanya milik Allah s.w.t. Selawat dan salam buat junjungan besar Rasulullah s.a.w. Alhamdulillah, segala kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, penulis telah dapat menyiapkan disertasi ini walaupun dalam serba kekurangan dan kelemahan.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan buat yang berbahagia Dr. Suwaid Tapah selaku penyelia penulis di atas tunjuk ajar dan sumbangan ide serta pengetahuan kepada penulis dalam menyiapkan kajian ini.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada semua staf di bahagian penguatkuasaan harta intelek Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di atas sumbangan maklumat dan data yang diperlukan.

Di kesempatan ini juga, penulis merakamkan jutaan terima kasih khusus buat suami tercinta (En. Mohd. Haizan Hamzah) di atas kerjasama dan dorongan serta pengertian sepanjang perjuangan ini. Jua buat ayah (Hj. Mohamad bin Ibrahim), ibu (Hjh. Siti Rabahah bt. Ibrahim) dan ahli keluarga yang banyak membantu penulis.

Akhirnya, terima kasih juga buat semua pensyarah dan warga Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang terlibat membantu penulis.

Semoga kajian ini dapat memberikan manfaat untuk semua.

Wassalam.

Penulis :

Pn. Nor Liza Mohamad
Sarjana Syariah (Kursus & Disertasi)
Sesi 1997 / 1999
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

(28 FEBUARI 1999)

Dedikasi

Ya Rahman. Ya Rahim

Tiada ungkapan terindah
Tiada madah terserlah
Untuk ku lahirkan kesyukuran
Atas nikmat dan rahmat Mu

Suami tercinta.....

Indahnya ikatan kecintaan
Dingin mendamaikan
Kekal berpanjangan

Ayah dan ibu.....

Selautan kasih buat kalian
Yang mewarnai kehidupan
Ku junjung tinggi
Pengertian dan pengorbanan

Adik, kakak dan abang.....

Indahnya persaudaraan ini
Segar mewangi di hati
Kekal abadi bersama redha Ilahi

DAFTAR ISI

TAJUK	HALAMAN
Abstrak	i
Abstract	ii
Penghargaan	iii
Dedikasi	
Daftar Isi	iv
Transliterasi	vii
Kependekan	ix
Senarai Kes	x
Senarai Statut	xii
Senarai Lampiran	xii
Pendahuluan	xiii
Nota Hujung	xxxi

Bab Satu

Konsep Harta Menurut Perspektif Islam

1.1 Definisi Harta	1
1.2 Unsur-unsur Harta	9
1.2.1 Boleh dikuasai dan dimiliki	10
1.2.2 Bermanfaat	12

1.2.3 Bernilai	15
1.3 Persoalan Hak	20
1.4 Persoalan Manfaat	22
1.5 Kesimpulan	27
Nota Hujung	29

Bab Dua

Hakcipta Dari aspek Teori Harta Intelek Menurut Undang-undang Malaysia	
2.1 Harta Intelek: Satu Pentakrifan	34
2.2 Undang-undang Harta Intelek	37
2.3 Unsur-unsur Utama Harta Intelek	40
2.4 Definisi Hakcipta	42
2.5 Undang-undang Hakcipta di Malaysia	44
2.6 Objektif Undang-undang Hakcipta	45
2.7 Pra Syarat Kelayakan Hakcipta	48
2.8 Prinsip-prinsip Asas Hakcipta	53
2.9 Karya-karya yang Termasuk di dalam Perlindungan Hakcipta	63
2.10 Autoriti Eksklusif Pemilik Hakcipta	72
2.11 Jangkamasa Hakcipta	77
2.12 Penggunaan Karya untuk Urusan yang Wajar dan Lain-lain Pengecualian	79
2.13 Kesimpulan	84
Nota Hujung	87

Bab Tiga

Hakcipta Sebagai Harta Menurut Islam

3.1 Hakcipta: Kesesuaian dengan Konsep Harta di dalam	
Islam	92
Sikap dan Pandangan Islam Terhadap Seni	105
3.2 Asas-asas ke arah Penerimaan Hakcipta di dalam Islam	124
3.2.1 Hukum Islam: Hubungannya dengan Konsep <i>al-Thabat</i> dan	
<i>al-Taghayyur</i>	125
3.2.2 <i>Siasah Syar`iyah</i> dalam Pemerintahan Negara	130
3.2.3 Konsep Maslahah dalam Perundungan	137
3.2.4 Berusaha Mencari Rezeki: Satu Tuntutan di dalam	
Islam	144
3.3 Kesimpulan	153
Nota Hujung	157

Bab Empat

Rumusan

4.1 Rumusan	163
Bibliografi	172
Lampiran	180

TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan di dalam disertasi ini adalah mengikut *Daftar Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia* (1987), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ejaan yang berkaitan dengan perkataan bahasa Arab digunakan mengikut *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi* (1988), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Konsonan

Huruf Jawi	Huruf Rumi	Huruf Jawi	Huruf Rumi
ا	a	ض	ḍ
ب	b	ط	ṭ
ت	t	ظ	ẓ
ث	th	ع	'
ج	j	غ	gh
ح	ḥ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	ه	h
ش	sy	و	w
ص	ṣ	ي	y
ء	ء	ة	ah

Vokal Pendek	Vokal Panjang	Diftong
ب a	ا a	أ ay
ت i	ي i	أو aw
ث u	و u	أي iyy
		أوو uwu

Catatan:

- Istilah atau perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum bahasa Melayu dieja mengikut perkataan bahasa Melayu.
- Bagi akhir perkataan asal bahasa Arab yang ditulis dengan huruf ة (ta marbutah) dibunyikan mengikut sebutan ة

KEPENDEKAN

AC	- Appeal Cases
All ER	- All England Report.
Bil	- Bilangan
CA	- Court of Appeal
Cet.	- Cetakan
Ch	- Chancery
CLJ	- Current Law Journal
Dr.	- Doktor
ER	- English Reports
FSR	- Fleet Street Reports
Ibid	- Ibidem (pada tempat yang sama)
Infra	- sebagaimana yang dijelaskan di bawahnya (berikutnya)
IPR	- Intellectual Property Report
ITM	- Institut Teknologi Mara
Jld	- jilid
Juz	- Juzu'
KB	- King's Bench
MLJ	- Malayan Law Journal
m.s	- Muka Surat
No.	- Nombor
Op. Cit.	- Opera Citato (dalam karya yang dirujuk sebelum)
Per.	- Perkara
Prof	- Profesor
QBD	- Queen's Bench Division
r.'a	- Radiallah' anhu
RPC	- Reports of the Patent Cases
Sek	- Seksyen
s.'a.w	- Sallahu`alaihi wasallam
Supra	- Sebagaimana yang dijelaskan di atas
s.w.t	- Subhanahu Wata`ala
TLR	- Times Law Reports
t.t	- Tanpa tahun
Terj	- Terjemahan
UM	- Universiti Malaya
V	- Versus
WLR	- Weekly Law Report

SENARAI KES

- Aaron Spelling Productions v Goldberg Productions* [1981] *RPC* 283.
- Apple Corporation v Lingasong* [1977] *FSR* 345.
- Baker v Selden* [1880] 101 *US* 99.
- British Northrop v Texteam Blackburn* [1973] *FSR* 241.
- Foo Loke Ying & Anor v Television Broadcasts Ltd & Ors* [1985] 2 *MLJ* 35.
- Francis Day Hunter v Feldman* [1914] 2 *Ch* 728.
- Francis Day Hunter v Bron* [1963] 1 *Ch* 587.
- Hardial Singh Sekhon t/a Sekhon Managements Services v MDC Sdn. Bhd & Anor* [1986] *CLJ* 2
- Hubbard v Vosper* [1972] 2 *QBD* 84.
- Infabrik v Jaytex* [1981] *All ER* 1057.
- Lao Foo San v Government of Malaysia* [1974] 1 *MLJ* 28.
- L.B Plastics v Swish Product* [1979] *FSR* 145.
- Lee Yee Seng v Golden Star Video Bhd* [1981] 2 *MLJ* 43.
- Marlet v Mothercare* [1984] *FSR* 358.
- Miller v Tailor* [1769] 4 *Burr* 2302 at 2334, 98 *ER* 201.
- Mohd. Ramly @ Dzulkifli bin Ismail v Sarimah Film Productions Sdn. Bhd* [1984] 1 *MLJ* 105
- Mokhtar Hj. Jamaluddin v Pustaka Sistem Pelajaran* [1986] *MLJ* 376.
- Moorhouse v Universiti New South Wales* [1976] *RPC* 151.
- Plix Products Ltd v Frank M. Winstone (Merchants)* [1986] *FSR* 63.
- Re Dickens* [1935] *Ch* 267.

Rubens v Pathé Breves Pathephone Ltd [1912] 29 TLR 174.

Sillitoe v Mc Graw Hill Book Co. [1983] FSR 545.

University of London Press v University of Tutorial Press [1916] 2 Ch 601.

SENARAI STATUT

Malaysia

Akta Hakcipta 1969

Akta Hakcipta 1987 (Akta 332) & Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah

Singapura

Copyright Act 1987

United Kingdom

Copyright Act 1911

Copyright Act 1956

Copyright, Designs and Patents Act 1988

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A : Akta Hakcipta 1987 (Akta 332)

PENDAHULUAN

Undang-undang harta intelek bukanlah satu bahagian undang-undang yang baru sama ada di Malaysia ataupun di negara-negara lain di dunia. Bagi negara-negara dunia pertama yang telah lama maju di dalam perindustrian, mereka telah mempunyai perlindungan harta intelek menerusi undang-undang yang digubal. Di antara jenis harta intelek yang amat diambil perhatian ialah hakcipta. Berdasarkan kepada keperluan memberikan perlindungan terhadap hakcipta itu, digubal di Malaysia satu akta yang berkaitan dengan hakcipta iaitu dikenali sekarang dengan Akta Hakcipta 1987. Undang-undang ini dikatakan sebagai undang-undang yang terbaik bagi menangani persoalan semasa berkaitan hakcipta.

Ramai orang begitu cenderung untuk berkarya dan menghasilkan sesuatu ciptaan baru berdasarkan daya keintelektualan dan kekreatifan kerana ia boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan dan menghasilkan pulangan kewangan yang amat menguntungkan. Oleh itu, industri muzik, filem, rekacipta, multi media semakin berkembang pesat seiring dengan zaman Teknologi Maklumat dan Koridor Raya Multimedia (MSC). Menikmati hasil pulangan yang baik pula menjadikan seseorang pencipta lebih bermotivasi untuk terus menyumbang kepada masyarakat dan negara melalui daya keintelektualan dan kebijaksanaan yang ada pada mereka. Bagi menjamin hak ekonomi dan hak moral itu, maka mereka diberikan perlindungan undang-undang

Namun begitu, ada juga manusia yang suka mengaut keuntungan dengan jalan yang mudah dengan melakukan pengeksploitasi ke atas-atas karya yang dihasilkan oleh orang lain. Semakin berkembangnya karya-karya hakcipta, maka begitu juga semakin berkembangnya kegiatan cetak rompak. Isu cetak rompak terus menular walaupun undang-undangnya dikatakan sebagai yang terbaik. Isu cetak rompak ini sebenarnya bukan perkara baru. Berdekad lamanya ia mendapat perhatian. Dua puluh tahun lalu, ia hanya terlibat dengan industri muzik, kaset dan filem. Tetapi dalam era Teknologi Maklumat dan Koridor Raya Multimedia (MSC) ini, ia merangkumi perisian komputer dan hakcipta intelek. Yang berbeza ialah kandungan dan media. Gejala-gejala seperti ini boleh menggugat usaha kerajaan mewujudkan inisiatif Koridor Raya Multimedia bertujuan untuk membangunkan industri multi media tempatan.

Isu cetak rompak sama ada melibatkan karya filem, kaset, penulisan buku, lukisan atau perisian komputer ini telah menarik minat ahli perundangan dan intelektual untuk mengkaji sejauhmanakah keberkesanan undang-undang yang ada pada hari ini disertai dengan usaha dan langkah bagi menangani permasalahan ini. Turut juga diadakan ialah kempen ke arah kesedaran tentang hak milik harta intelek. Ini penting bagi memastikan dunia hakcipta terus berkembang dan tidak berkubur begitu sahaja kerana ia adalah salah satu pemangkin kepada pembangunan negara.

Kebanyakan penulisan hakcipta merujuk kepada undang-undang Inggeris dan ditulis oleh orang-orang Barat. Oleh kerana hakcipta sebagai salah satu daripada harta intelek, kebanyakan penulis mengupas persoalan mengenainya di bawah tajuk harta intelek di samping kupasan mengenai jenis-jenis harta intelek yang lain seperti Paten, Cop Dagangan dan sebagainya. Skop penulisan-penulisan ini lebih tertumpu kepada huraian mengenai peruntukan undang-undang berkenaan dengan harta-harta intelek tersebut. Peruntukan di dalam Akta dihuraikan dengan lebih mendalam dan dalam bahasa yang mudah supaya ia dapat difahami dengan sebaik-baiknya. Di antara penulisan-penulisan itu ialah; *Introduction to Intellectual Property Law*,¹ tulisan Jeremy Phillips dan Allison Firth; *Intellectual Property: Commentary and Materials*,² tulisan M.L Blakeney dan J. McKeough; *A Guide Book to Intellectual Property: Patents, Trade Marks, Copyright and Designs*,³ tulisan Robin Jacobs dan Danies Alexander; *Intellectual Property – The New Law : A Guide to the Copyright, Designs and Patents Act 1988*,⁴ tulisan Michael F.Flint, Clive D Thorne dan Allan P. William dan lain-lain penulisan lagi.

Selain daripada penulisan hakcipta yang dibincangkan di bawah tajuk umum harta intelek, terdapat juga penulisan yang mengulas secara khusus mengenai hakcipta. Seperti sebelum ini, ulasan di dalam penulisan ini juga turut memfokuskan huraian mengenai peruntukan undang-undang yang telah sedia dan peranannya dalam memberikan perlindungan undang-undang. Antaranya ialah penulisan yang ditulis oleh Jeremy Phillips, Robyn Durie dan Ian Karet yang

bertajuk *Whale on Copyright;⁵ Copyright Law in Singapore,⁶* tulisan R.Ramachandran; *The Copyright Handbook: How to Protect and Use Written Book,⁷* tulisan Attorney Stephen Fishman dan lain-lain.

Penulisan yang dibuat juga ada yang menyentuh tentang persoalan eksploitasi dagangan seperti yang ditulis oleh Hillary E Pearson dan Clifford G. Miller yang bertajuk *Commercial Exploitation on Intellectual Property.⁸* Penulisan-penulisan di atas adalah sebagai sumbangan kepada masyarakat untuk mengetahui tentang hakcipta di sisi undang-undang dan segala peraturan yang telah ditetapkan mengenainya.

Penulisan-penulis tempatan pula menjadikan Akta Hakcipta 1987 sebagai sandaran utama. Di antara penulis yang begitu perihatin terhadap isu hakcipta dan undang-undangnya ialah Prof. Khaw Lake Tee di mana beliau telah menulis sebuah buku bertajuk *The Copyright Law in Malaysia.⁹* Menerusi buku ini kupasan mendalam dibuat mengenai hakcipta sebagaimana yang digariskan oleh Akta Hakcipta 1987 agar difahami dengan betul di samping pernyataan kes-kes di luar negara dan dalam negara sebagai sokongan. Beliau juga telah menganalisa sejauhmana Undang-undang Hakcipta di Malaysia bersedia dan mampu menyaingi kemajuan teknologi di dalam kajian kesarjanaan yang bertajuk “Copyright Law in Malaysia: The Responsible to Technological Development.”¹⁰ Kajian beliau menunjukkan bahawa perlindungan undang-undang terhadap hakcipta dalam konteks kemajuan teknologi moden masih lagi kabur dan boleh

menimbulkan keraguan di samping tiada persediaan yang khusus untuk menangani perkembangan teknologi. Apatah lagi, wujud pertindihan bidang kuasa di mana industri reka cipta juga di bawah Design Law, selain daripada Akta Hakcipta 1987. Terdapat juga penulisan yang berbentuk latihan ilmiah berkenaan dengan perlindungan hakcipta di Malaysia iaitu sebagaimana yang dikupas oleh Sudirman Hj. Arshad yang bertajuk “A Legal Study of Copyright and Protection in Malaysia.”¹¹ Persoalan berkenaan dengan remedii terhadap perlanggaran hakcipta juga turut mendapat tempat dalam penulisan. Antaranya ialah penulisan yang ditulis oleh Tay Pek San (1994) di bawah tajuk “Remedies for Infringement of Copyright.”¹²

Rata-rata penulisan yang disebutkan di atas adalah di dalam bahasa Inggeris dan tidak banyak penulisan berkenaan dengan hakcipta ditulis di dalam bahasa Melayu. Di antara penulisan yang ditulis di dalam bahasa Melayu ialah *Mengenali Undang-undang Hakcipta di Malaysia*,¹³ tulisan Rohazarwati Zuallcobleyn dan juga *Buku Panduan Hakcipta*¹⁴ yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka serta Majlis Buku Kebangsaan.

Rentetan daripada keperluan untuk mengawal hakcipta dan melindunginya serta isu-isu baru yang wujud, persidangan-persidangan berkaitan dengan hakcipta sentiasa diadakan sama ada oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau oleh World Intellectual Property

Organization (WIPO). Oleh itu, banyak kertas kerja yang ditulis dan dibentangkan di seminar serta dijadikan sebagai koleksi persidangan.¹⁵ Di antara tajuk kertas kerja tersebut ialah “Development in Copyright Law and Practise in Malaysia,” “Copyright Protections in Malaysia: The Rational Experience,” “Copyright Protection: Issues for The High Tech Age,” “The Economic and Cultural Importance of Copyright and Neighbouring Right,” “Introduction to Intellectual Property:Basic Notions, Copyright and Neighbouring Right” dan lain-lain.

Meneliti kajian ulama’ fiqh, sebenarnya mereka telah banyak menganalisa konsep harta dengan meluas yang juga secara langsung merujuk konsep pemilikan dan transaksi harta seperti Ibn ‘Ābidīn, al-Sayūtī, al-Kāṣanī dan lain-lain. Pandangan dan penganalisaan mereka kemudiannya dinukulkan oleh fuqaha’-fuqaha’ kini di samping sedikit ulasan dan pendapat. Fuqaha’-fuqaha’ ini sebenarnya lebih berminat untuk membincangkan persoalan mengenai akad-akad muamalah yang melibatkan urus niaga harta seperti gadaian, sewaan, jualbeli, jual salam dan lain-lain.

Di antara penulisan-penulisan fuqaha’ klasik yang ada membincangkan tentang harta ialah *Radd al-Muhtār*,¹⁶ tulisan Ibn ‘Ābidīn; *al-Asybah wa al-Nazā’ir*,¹⁷ tulisan al-Sayūtī; *al-Mughnī al-Muhtāj*,¹⁸ tulisan al-Syarbīnī al-Khatīb; *al-Umm*¹⁹ oleh al-Syafī’ī; *Bada’i’ al-Sana’i’*²⁰ oleh al-Kāṣanī dan sebagainya.

Fuqaha'-fuqaha' kini pula kemudiannya menukilkan pendapat-pendapat tersebut tetapi dalam penulisan yang lebih sistematik dan disertai dengan kupasan dan kritikan. Di antara contoh penulisan tersebut ialah *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhū*²¹ oleh Dr. Wahbah al-Zuhaylī, *al-Madkhāl li Dirāsatī al-Syārīyyah al-Islāmiyyah*²² oleh Dr. ‘Abd al-Karīm Zaydān, *Maṣādir al-Haqq fī al-Fiqh al-Islāmī*²³ oleh Dr. ‘Abd al-Razzāq al-Sanhuri, *al-Madkhāl wa al-Amwāl wa al-Huqūq wa al-Milkiyyah wa al-‘Uqūd*²⁴ oleh Muḥammad Salam Madkūr, *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī wa al-Nazariyyat al-Milkiyyah wa al-‘Uqūd*²⁵ oleh Dr. Badran Abū al-Aynayn dan lain-lain.

Berkenaan dengan harta ini, fuqaha' klasik lebih banyak menekankan dalam perbincangan mereka tentang klasifikasi harta dan diuraikan dalam pelbagai mazhab. Di antara penulisan yang menyentuh persoalan klasifikasi harta ialah *al-Umm*²⁶ oleh al-Syāfi‘ī, *al-Muhaḍhdhab*²⁷ oleh al-Syīrazi, *al-Mabsūt*²⁸ oleh al-Sarakhsī, *al-Mughnī*²⁹ oleh ibn Qudāmah dan sebagainya. Wujudnya kepelbagaiannya pandangan berdasarkan mazhab masing-masing membuktikan konsep harta yang luas di sisi Islam.

Di Malaysia, penulisan berkaitan dengan konsep harta juga tidak diperbincangkan dengan meluas. Kalau adapun, para intelektual Islam lebih berminat untuk menukilkan sahaja pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh para fuqaha'.³⁰

Perbincangan tentang persoalan harta sepatutnya dikembangkan sehingga mencakupi realiti yang ada. Ini penting bagi memdedahkan kepada masyarakat tentang konsep asal harta sebagaimana yang digariskan syarak sama ada meliputi segala yang telah diterimakan oleh masyarakat dan undang-undang Malaysia masa kini atau tidak.

Para pengkaji hari ini sebenarnya lebih cenderung untuk membuat penulisan mengenai harta yang telah jelas diiktiraf syarak sebagai harta sebagaimana telah diperkatakan oleh fuqaha' klasik dan kini seperti berkenaan dengan tanah dan harta yang lebih berbentuk fizikal berbanding dengan persoalan manfaat dan hak seperti hakcipta.

Di sudut yang lain, para ilmuan Islam juga tidak mengenepikan perbincangan tentang seni bagi mengenal pasti sejauhmanakah ianya diizinkan syarak. Penilaian terhenti setakat mana sesuatu seni itu diharuskan syarak atau tidak dan tidak dikaitkan dengan persoalan harta dan hakcipta. Di antara penulisan yang menghuraikan persoalan karya seni dan ciptaan baru ialah *Dham al-Malahi*³¹ yang ditulis oleh Ibn Abī al-Dunyā; *Mañahij al- Fann al-Islāmi*,³² tulisan Muhammad Qutb; *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*,³³ tulisan Imām al-Ghazālī; *Hukm al-Islām fī Wasa'il al-I'lām*³⁴ tulisan 'Ulwan 'A.N; *al-Fan al-Islāmi*,³⁵ tulisan Abū Ṣalīḥ al-Alfay; *al-Mawqif min Sinīmā Islāmiyyah*,³⁶ tulisan Jaddā', M. Walīd dan lain-lain.

Penulisan di dalam bahasa Melayu juga ada walaupun tidak banyak. Antaranya ialah *Konsep Seni dalam Islam*³⁷ oleh Engku Ibrahim Ismail dan Abdul Ghani Shamsuddin; *Seni Muzik, seni Suara dan seni Tari dalam Islam*³⁸ oleh M. Toha Johja Omar; *Perundangan Islam tentang kesenian*³⁹ oleh Dr. Sidi Gazalba dan lain-lain.

Penulisan-penulisan sebegini sepatutnya terus dikembangkan oleh para ilmuan Islam terutama mengenai isu-isu baru yang wujud akibat dari kemajuan teknologi yang terkini seperti penganalisaan tentang perisian-perisian komputer, media-media elektronik dan komunikasi dan lain-lain yang termasuk di dalam kategori karya dan hasil ciptaan seseorang berdasarkan keintelektualan dan kekreatifan. Penulisan-penulisan yang telah sedia ada dijadikan rujukan di dalam disertasi ini bagi mengupas persoalan mengenai hakcipta menurut perspektif Islam.

Latar Belakang Masalah

Hakcipta ditafsirkan sebagai hak perlindungan yang diberi oleh undang-undang ke atas karya atau ciptaan yang telah dihasilkan melalui keintelektualan, kebijaksanaan dan kekreatifan seseorang. Ia termasuk di dalam kategori harta di sisi undang-undang iaitu salah satu daripada jenis harta intelek yang mana ia boleh mendatangkan pulangan kewangan yang menguntungkan sebagai sumber pendapatan dan juga membantu kepada perkembangan budaya dan teknologi.

kepada negara. Ketiadaan perlindungan undang-undang boleh menyebabkan pengeksploitasi karya tersebut dan membawa kerugian kepada pencipta, masyarakat dan negara. Justeru itu, perlindungan undang-undang diberikan bagi menjamin hak ekonomi dan hak moral. Soalnya, hakcipta tidak pernah lagi diperbincangkan oleh sarjana Islam tentang kedudukannya sebagai harta dan sebagai sumber rezeki di sisi syarak. Dalam penulisan fuqaha' klasik dan kini, konsep harta tidak dibincangkan secara meluas, malah tiada pengertian khusus bagi menginterpretasikan istilah harta. Namun, tafsiran tersebut boleh dikembangkan lagi mengikut keperluan semasa berdasarkan kenyataan fuqaha' dalam membincangkan persoalan harta.

Perlindungan undang-undang yang diberikan kepada karya-karya yang termasuk di bawah hakcipta adalah umum tanpa mengambil kira prinsip dan peraturan syarak. Oleh itu, lahirlah banyak karya dan ciptaan yang dirasakan mendatangkan manfaat pada pertimbangan manusia, bukan pertimbangan syarak. Soalnya, adakah karya-karya tersebut kesemuanya diiktiraf sebagai harus dan diizinkan syarak ?

Dalam konteks sekarang, hakcipta menjadi isu penting yang perlu diberi perhatian memandangkan sumbangannya yang besar kepada individu, masyarakat dan juga negara. Ia menjadi salah satu daripada kegiatan hidup manusia yang tidak boleh dinafikan oleh Islam sebagai termasuk di dalam kategori hukum atau undang-undang Islam. Persoalan ini tentunya berkait rapat dengan sumber-sumber

hukum Islam dalam usaha untuk mengkategorikan hakcipta menurut syarak sama ada diharuskan atau tidak atau boleh diterima tetapi tertakluk kepada pindaan.

Seterusnya, undang-undang hakcipta yang diterimapakai pada hari ini khususnya di Malaysia adalah merujuk kepada undang-undang Inggeris di samping sedikit pengubahsuaian agar sesuai dengan keadaan tempatan. Apa yang menjadi persoalan ialah sejauhmana Islam boleh mengiktiraf undang-undang asing dan sejauhmana autoriti pemerintah boleh mengikuti undang-undang tersebut demi untuk kemaslahatan umat manusia.

Persoalan-persoalan di atas perlu diungkaikan bagi menggambarkan bahawa Islam sebagai agama yang syumul, mampu menangani setiap persoalan. Di samping itu, isu hakcipta boleh dikemaskinikan lagi agar selaras dengan kehendak Syariat dan alternatif penyelesaian kepada sebarang permasalahan berkenaan hakcipta boleh diberikan oleh Islam.

Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan tentang hakikat kedudukan hakcipta menurut perspektif Islam memandangkan ia pada masa ini begitu dititikberatkan oleh badan perundangan, apatah lagi di zaman Teknologi Maklumat (IT). Adalah menjadi satu kekurangan kepada Islam jika isu hakcipta ini tidak pernah dikupas oleh mana-mana Sarjana Islam sebelum ini.

Selain daripada itu, di antara objektif khusus kepada kajian ini ialah:

1. Menentukan kedudukan hakcipta disisi Syarak sama ada iaanya sebagai harta atau tidak dengan mengupas konsep umum harta di sisi syarak dan konsep hakcipta menurut undang-undang yang dikuatkuasakan.
2. Menjelaskan asas-asas kepada penerimaan hakcipta menurut Islam dengan merujuk kepada konsep-konsep umum yang dijelaskan oleh al-Quran, al-Sunnah dan ijtihad para ulama' fiqh terdahulu dan kontemporari tentang adanya sinergi-sinergi yang boleh dimanfaatkan dalam mengembangkan fiqh Islam dan undang-undang yang dikuatkuasa pada masa kini.
3. Mengenal pasti sejauhmana karya-karya yang mendapat perlindungan undang-undang hakcipta pada hari ini diharuskan oleh syarak dan hubungannya sebagai suatu hasil usaha yang dijamin haknya.
4. Menilai peruntukan yang khusus berkenaan hakcipta bagi mengenal pasti peruntukan-peruntukan yang perlu dipinda atau dimansuhkan untuk menjamin penerimaannya oleh syarak.
5. Mengupas mengenai peranan pemerintah dalam menggubal sebarang peraturan dan undang-undang bagi menjamin kemaslahatan masyarakat keseluruhannya.

Skop Kajian

Kajian penulis tertumpu kepada beberapa ruang lingkup perbincangan seperti berikut:

1. Perbincangan tentang konsep umum harta menurut Islam dengan merujuk kepada pendapat fuqaha' klasik dan kini. Pandangan-pandangan fuqaha' diteliti termasuk juga persoalan berkaitan hak dan manfaat bagi mentafsirkan konsep harta kerana ia tidak dibincangkan secara meluas oleh fuqaha'.
2. Perbincangan tentang konsep hakcipta sebagai teori harta intelek dengan merujuk kepada Undang-undang hakcipta khususnya Akta Hakcipta 1987.
3. Perbincangan tentang adanya sinergi-senergi yang terdapat di dalam fiqh tradisi Islam yang boleh dikaitkan dengan teori harta intelek, khususnya hakcipta terutama pandangan-pandangan fuqaha' mengenai harta, hak dan manfaat di samping melihat konsep umum yang disebut di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, juga asas-asas penting yang menjadi teras kepada perubahan dan perkembangan hukum Islam.
4. Perbincangan juga ditumpukan tentang bagaimana keanjalan hukum fiqh menerima konsep hakcipta berteraskan kepada transaksi kemanfaatan dan kemaslahatan.

Metodologi Kajian

Kajian penulis yang bertajuk ***Hakcipta dari Aspek Teori Harta Intelek Menurut Perspektif Islam*** adalah berdasarkan kepada kaedah Kualitatif yang mana ia tertumpu kepada penulisan-penulisan terdahulu, temubual dan sebagainya.

Metod Pengumpulan Data

Dalam mengumpulkan data-data yang komprehensif sama ada bersifat '*primary*' atau '*secondary*', dua metod pengumpulan data dilakukan iaitu:

1. Kajian Perpustakaan

Melalui metod pengumpulan ini, penulis telah melakukan penelitian ke atas penulisan-penulisan sama ada dengan merujuk kepada al-Qur'an dan Al-Sunnah, buku-buku, statut-statut perundangan, jurnal undang-undang, laporan kes, penulisan ilmiah seperti Tesis dan Kertas Projek, Kertas kerja, risalah, majalah-majalah semasa dan lain-lain. Memandangkan penyelidikan ini berbentuk penyelidikan perpustakaan, maka secara langsung ia lebih dominan berbanding dengan metod yang lain. Data-data ini menjadi teras :

dalam kajian penulis. Di antara perpustakaan yang menjadi tumpuan penulis ialah:

- a) Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- b) Perpustakaan Undang-undang Universiti Malaya
- c) Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya
- d) Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia
- e) Perpustakaan Awam Pusat Islam Malaysia
- f) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa (UIA)
- g) Perpustakaan Awam Negara dan lain-lain.

2) Kajian Luar Perpustakaan.

Walaupun penyelidikan ini lebih kepada kajian perpustakaan, tetapi untuk lebih memantapkan kajian, penulis telah mendapatkan maklumat-maklumat melalui temubual tidak formal daripada staf-staf di Bahagian Penguatkuasa Harta Intelek, Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna.

Metod Analisa Data

Apabila data yang diperlukan telah diperolehi melalui metod pengumpulan data, ia telah dianalisa oleh penulis dengan menggunakan tiga kaedah utama iaitu:

- 1) Metod Induktif
- 2) Metod Deduktif

3) Metod Komparatif

1) Metod Induktif.

Metod Induktif ialah satu kaedah mencari satu kesimpulan sesuatu permasalahan melalui pengkajian data yang bersifat khusus, kemudian kesimpulan yang lebih umum dihasilkan berdasarkan data-data tersebut. Metod ini digunakan oleh penulis dalam meneliti pandangan-pandangan fuqaha' sama ada dahulu dan sekarang dalam mentafsirkan harta. Daripada tafsiran-tafsiran yang diberikan, penulis telah merumuskan tiga unsur utama harta yang menjadi teras dalam memperkembangkan konsep harta untuk disesuaikan dalam konteks zaman sekarang. Begitu juga di dalam bab dua, daripada perbincangan berkaitan dengan hakcipta, penulis merumuskan beberapa kesimpulan umum berkenaan dengan hakcipta terutama dari segi prinsip-prinsip asas hakcipta. Didatangkan juga contoh beberapa karya seni yang termasuk di dalam karya hakcipta di dalam bab tiga lalu diulas tentang kedudukannya di sisi syarak di samping pandangan fuqaha' mengenainya. Lalu dirumuskan secara umum bahawa asas kepada keharusan ialah jika ianya membawa kebaikan dan diharamkan jika membawa keburukan. Seterusnya, metod ini juga digunakan dalam membuat kesimpulan umum yang meliputi keseluruhan bab di dalam bab keempat.

2) Metod Deduktif

Metod Deduktif ialah mencari kesimpulan sesuatu permasalahan berdasarkan pengkajian terhadap data-data yang bersifat umum. Metod deduktif digunakan oleh penulis terutama dalam menghuraikan prinsip umum yang dijelaskan oleh nas-nas syarak untuk diaplikasikan sebagai asas kepada penerimaan hakcipta menurut Islam. Sebagai contohnya, prinsip keadilan dalam Islam yang dijelaskan oleh nas adalah terpakai dalam semua aspek kehidupan. Oleh itu, dirumuskan bahawa ia juga menjadi asas dalam menerima undang-undang hakcipta di dalam Islam. Kaedah-kaedah fiqh yang umum juga diaplikasikan dalam perbincangan hakcipta ini bagi menghuraikan sejauhmaka autoriti pemerintah dalam memperkenalkan undang-undang dan peraturan kepada rakyat demi untuk kemaslahatan. Analisa ini banyak digunakan di dalam bab tiga

3) Metod Komparatif

Metod komparatif ialah membuat perbandingan di antara data-data serta fakta yang telah dikeluarkan untuk mengeluarkan kesimpulan. Metod ini yang paling banyak digunakan oleh penulis dalam menganalisa data-data yang dikumpulkan. Apabila diteliti konsep harta dalam Islam, ia juga berkait rapat dengan persoalan hak dan manfaat. Dalam persoalan hak dan manfaat ini, penulis menganalisa pandangan-pandangan fuqaha' berkenaan dengannya dan kemudian memilih pandangan-pandangan yang lebih relevan dengan suasana dan keperluan

semasa. Analisis perbandingan juga dilakukan dengan merujuk kepada unsur-unsur harta yang dirumuskan di dalam bab satu dan membandingkannya dengan konsep hakcipta menurut undang-undang pada masa kini. Ia bertujuan bagi menyimpulkan tentang adanya asas-asas dan sinergi yang boleh diterimapakai di antara ijтиhad fuqaha' dengan konsep hakcipta pada masa kini. Selain daripada itu, penulis juga telah meneliti peruntukan undang-undang hakcipta yang dikuatkuasakan sekarang terutama mengenai karya-karya yang diiktiraf dan dalam masa yang sama, syarat dan peraturan syarak diteliti. Hasilnya penulis merumuskan bahawa karya-karya yang mengikut ketetapan syarak sahaja yang diharuskan dan begitulah sebaliknya.

Nota Hujung

1. (1990), 2nd edition, London, Brolin, Edinburgh: Butterworths
2. (1987), Sydney: The Law Book Company Limited.
3. (1993), 4th edition, London: Sweet and Maxwell.
4. (1989), London: Butterworths.
5. (1995), 4th edition, London: Sweet and Maxwell.
6. (1978), Singapore: Malayan Law Journal PTE Ltd..
7. (1994), 2nd edition, Berkeley: Nolo Press.
8. (1990), Great Britain: Blackstone Press Limited.
9. (1994), Malaysian, Singapore, Hong Kong: Butterworth, Asia.
10. (1990), Tesis PhD, London School of Economic and Political Science.
11. (1980), Latihan Ilmiah, Fakulti Undang-undang Universiti Malaya.
12. (1994), Tesis M.A, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya.
13. (1992), cet. 1, Kuala Lumpur: Pustaka Pertwi Sdn. Bhd.
14. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia.
15. Di antaranya ialah kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Kebangsaan mengenai Hakcipta dan Teknologi-teknologi Baru yang telah dianjurkan oleh World Intellectual Property Organization di Kuala Lumpur pada 22-24 November 1994.
16. (1966), juz. 4, cet.2, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī wa al-Halabī wa Awlādūhū.

17. (1983), cet.1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Immiyyah.
18. (1958), juz 2 dan 3, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī wa al-Ḥalabī wa Awlāduhū.
19. (1308 H), juz. 7, Kaherah: Maṭba'ah al-Kulliyyah al-Ażhariyyah.
20. (1328 H), jld.6, Kaherah: al-Jamāliyyah.
21. (1989), juz. 4, Damsyik: Dār al-Fikr.
22. (1989), Baghdad: Maktabah al-Quds.
23. (1954), Kaherah: Jāmi'ah al-Duwal al-'Arabiyyah.
24. (1955), cet. 2, Kaherah: Maktabah 'Abd Allah Wahbah.
25. (t.t), Iskandariyah: Muassasah al-Syabāb al-Jāmi'iyyah.
26. (1308 H), juz.7, Kaherah: Matba'ah al-Kulliyyah al-Ażhariyyah.
27. (t.t), Jid. 2, Mesir: Muṣṭafā al-Ḥalabī.
28. (1978), jld 3, cet.3, Beirut: Dār al-Ma'rifah.
29. (1968), jld 2, Kaherah: Maktabah al-Qāhirah.
30. Sebagai contohnya ialah penulisan berbentuk kertas kerja yang dibentang di Seminar Undang-undang Harta dalam Islam dan telah dihimpunkan di dalam buku *al-Ahkam*, jld 3 seperti artikel yang bertajuk “ Konsep Pemilikan Harta dalam Islam” oleh Mahmud Saedon Awang Othman dan artikel bertajuk “ Konsep Pemilikan Harta dalam Islam: Satu Penilaian” oleh Mohd. Ridzuan Awang.
31. (1987), Kaherah: Maktabah al-Qāhirah. Lihat juga, (1938), *Tracts on Listening to Music* (Trans), London: The Royal Asiatic Society.
32. (1980), Kaherah: Dār al-Syurūq.
33. (t.t), jld.2, Damsyik: Maktabah 'Abd al-Wakīl al-Darūbī.
34. (1983), Kaherah: Dār al-Salām li al-Tibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī.
35. (t.t), Beirut: Dār al-Ma'rif.

36. (1989), Kaherah: Dār al-Wafā'.
37. (1992), cet.1, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
38. (1964), Djakarta: Penerbitan Widjaya.
39. (1977), Kuala Lumpur: Pustaka Antara.